

15

MEMPERTAJAM PEMAHAMAN PELAJAR MELALUI VIDEO

Julinda Hassan, Muhammad Irwan Jamal, Ramna Johana & Sarimah Ahmad
Sekolah Menengah Ngee Ann

ABSTRAK

Keratan frasa dan potongan ayat yang dicedok bulat-bulat daripada petikan bacaan sering dilakukan oleh pelajar ketika menjawab soalan kefahaman subjektif. Hal ini tidak memperbaiki keupayaan pelajar memahami kandungan petikan yang diberikan serta kemahiran memberikan respons dengan mengolah ayat sendiri. Kertas ini membentangkan strategi pengajaran yang dijalankan di Sekolah Menengah Ngee Ann dalam menggalakkan para pelajar Menengah 1 menjawab soalan kefahaman dengan menggunakan ayat mereka sendiri. Strategi pengajaran ini turut memanfaatkan rangka kerja Pengajaran untuk Pemahaman (*Teaching for Understanding*[TfU]) dan Penyoalan Socrative (*Socratic Questioning*) serta pedagogi yang menggunakan klip video ringkas sebagai konteks. Secara tidak langsung, pengkaji berusaha untuk memperhalus kemahiran dan kecenderungan yang sedia ada dalam diri pelajar selaku ‘pribumi digital’ agar dapat dimanfaatkan dalam konteks akademik dan formal. Dapatan kajian ini amat berguna dalam mempersiap dan memperlengkap diri pelajar dengan set kemahiran membaca untuk memahami memandangkan komponen kefahaman subjektif membentuk peratusan yang agak tinggi dalam kertas-kertas peperiksaan nasional.

Pengenalan

Kemahiran membaca untuk memahami merupakan satu daripada komponen penting dalam peperiksaan Bahasa Ibunda. Berdasarkan format kertas peperiksaan di peringkat nasional, arahan yang tercatat dalam komponen kefahaman subjektif meminta pelajar menjawab soalan yang diberikan dengan menggunakan ayat-ayat mereka sendiri. Setiap ayat yang dibina oleh pelajar menjadi penanda kebolehan mereka memahami petikan bacaan yang telah diberikan yang kemudiannya memparafrasa kembali maklumat tersebut dalam

bentuk ayat yang gramatis. Namun, pelajar sering mencedok sahaja frasa dan ayat secara bulat-bulat daripada petikan bacaan yang disediakan ketika menjawab soalan kefahaman subjektif. Hal ini boleh memberikan kesan kepada markah yang diperoleh oleh pelajar. Untuk membantu pelajar menjawab soalan kefahaman subjektif dengan lebih berkesan lagi, guru perlu memikirkan strategi pengajaran yang relevan, bermakna dan berkesan.

Justeru, kajian ini akan membentangkan strategi pengajaran yang memanfaatkan rangka kerja Pengajaran untuk Pemahaman (*Teaching for Understanding*[TfU]) dan Penyoalan Socrative (*Socratic Questioning*, SQ) serta pedagogi yang menggunakan klip video ringkas sebagai konteks. Secara tidak langsung, kajian ini berusaha untuk memperhalus kemahiran dan kecenderungan yang sedia ada dalam diri pelajar selaku golongan 'pribumi digital' agar dapat dimanfaatkan dalam konteks akademik dan formal. Dapatan kajian amat berguna dalam mempersiap dan melengkapkan pelajar dengan set kemahiran membaca untuk memahami isi yang diperlukan memandangkan komponen kefahaman subjektif membentuk peratusan yang agak tinggi dalam kertas peperiksaan.

Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk:

- a. mengukur keberkesan penggunaan klip video dalam mempertingkatkan pemahaman para pelajar terhadap sesbuah konteks berdasarkan rangka kerja TfU dan SQ;
- b. membandingkan hasil kerja para pelajar merentas aliran, dan
- c. membandingkan penerimaan pelajar terhadap strategi pengajaran yang dijalankan merentas aliran.

Permasalahan


Komponen kefahaman subjektif dalam kertas peperiksaan bahasa Melayu amat mencabar bagi sebilangan besar pelajar di Sekolah Menengah Ngee Ann. Kebanyakan pelajar mengambil jalan pintas dengan mengutip ayat yang terdapat dalam petikan bacaan lalu menulis semula ayat tersebut sebagai jawapan bagi soalan yang diajukan. Pelajar sekadar memberikan jawapan yang sedia ada secara literal.

Masalah ini lebih ketara apabila mereka diminta untuk menjawab soalan yang berbentuk analisis, inferens atau sintesis yang memerlukan kemahiran

kognitif yang lebih tinggi. Biasanya, pelajar akan menghadapi masalah menjawab soalan tersebut kerana jawapan bagi soalan sedemikian tidak tertera secara langsung dalam teks. Oleh itu, mereka mengambil bulat-bulat ayat daripada petikan bacaan. Justeru, kelemahan pelajar menjawab soalan sedemikian akan menjejas prestasi mereka secara keseluruhan bagi komponen ini.

Konsep TfU dan SQ

Memastikan setiap pelajar memahami apa yang telah diajar merupakan antara tujuan utama dalam pengajaran dan pembelajaran. Konsep ‘pemahaman’ itu sendiri melontarkan pelbagai soalan yang kompleks bagi pengkaji: apakah ukuran yang dipakai untuk menentukan pelajar telah memahami sesuatu? Bagaimanakah pelajar membina daya pemahaman? Apakah yang wajar difahami mereka? Bagaimanakah guru boleh menilai pemahaman pelajar dengan berkesan?



Rajah 1: Model Rangka Kerja Pengajaran untuk Pemahaman (TfU)
(dipetik dan diubah suai daripada Blythe, T et. al (1998). *The Teaching for Understanding Guide*. Jossey Bass. California. hal. 19)

Topik 'Hidup di Negara Berbilang Budaya' memayungi pengajaran yang dikendalikan. Klip video yang dijadikan konteks dan topik generatif pula mengandungi mesej yang berkaitan dengan topik besar tersebut. Malah, klip video yang dipetik daripada sebuah program terbitan *Disney Channel* ini relevan, menarik dan mudah diakses oleh guru dan pelajar. Terdapat pelbagai perkara yang boleh dibincangkan berdasarkan klip video berkenaan.

Menurut Blythe et.al, (1998), topik generatif menjadi pusat yang menentukan nada dan hala tuju pengajaran dan pembelajaran. Guru memainkan peranan penting untuk memastikan matlamat pemahaman dan soalan kefahaman subjektif yang bakal menguji daya pemahaman pelajar selari. Umpamanya, para pelajar boleh diminta untuk memberikan dua pengajaran yang telah diraih setelah menonton video tersebut. Perkara ini dapat membentuk salah satu soalan bagi komponen kefahaman subjektif. Rancangan pengajaran guru turut mengambil kira aspek persembahan pemahaman pelajar sewaktu menilai keberkesanannya strategi yang telah diimplementasikan.

Persembahan pemahaman pula bermaksud kebolehan pelajar merentas cipta, membuat pembentangan dan memberikan ulasan tentang video yang ditonton. Penilaian berterusan pula dapat dikendalikan secara sumatif atau formatif, yakni melalui ujian, penilaian rakan sebaya, komen guru, rubrik dan alat penilaian yang lain.

Penyoalan 'Socratic' (SQ) merupakan strategi penyoalan yang dilakukan secara berdisiplin. Menurut Paul & Elder (2006), SQ berpotensi untuk meneroka pemikiran dan pemahaman seseorang dengan lebih meluas dan mendalam. Perbezaan yang ketara dalam kaedah SQ dengan teknik penyoalan konvensional ialah ciri-cirinya yang berdisiplin, teratur dan mendalam. Malah, kaedah SQ sering mengajak pelajar bersikap reflektif dengan meletakkan diri mereka dalam keadaan atau situasi yang sedang dibincangkan. Malah, Cox dan Griffith (2007) mengatakan bahawa pelajar wajar ditanyakan soalan-soalan yang dapat:

- a) menjelaskan pemikiran dan pemahaman mereka

Contoh:

Mengapakah kamu berkata sedemikian? Bolehkah kamu terangkan dengan lebih lanjut?

- b) mencabar andaian-andaian yang diterima pakai

Contoh:

Benarkah perkara ini selalu berlaku? Mengapakah andaian itu boleh diterima dalam konteks ini?

- c) memberikan bukti sebagai asas hujahan

Contoh:

Berikan bukti untuk menyokong dakwaan kamu. Berikan sebab mengapa kamu menolak pandangan itu.

- d) memberikan pandangan yang berbeza dan pelbagai

Contoh:

Bolehkah kamu mencelah pandangan-pandangan yang diberi?

- e) menerangkan implikasi dan akibat

Contoh:

Apakah yang boleh terjadi jika perkara itu berlaku?

- f) menyoal soalan yang diberi

Contoh:

Mengapakah soalan ini dibina sebegini? Mengapakah soalan ini penting?

Berdasarkan soalan jenis SQ, pelajar akan lebih terdedah kepada soalan yang mencabar minda selari dengan bentuk soalan yang ditanya dalam komponen kefahaman subjektif.

Kajian Lepas

Jeffries (2003) menyatakan bahawa pemahaman pelajar boleh dibentuk dan dikembangkan melalui latihan mencipta analogi yang jitu. Hal ini memerlukan guru berfikir dengan mendalam tentang kesesuaian bahan dan topik yang akan digunakan di dalam bilik darjah. Maka, dengan membenarkan pelajar membuat analogi sendiri, guru bukan sahaja dapat meningkatkan tahap pelibatan pelajar di bilik darjah, malah memperkembang proses pemikiran mereka semasa menjalankan aktiviti amali mahupun bertulis.

Peter McDonald (2009) meneroka penggunaan video dan grafik sebagai wadah yang dapat menyokong pemahaman pelajar ketika cuba menjawab soalan kefahaman. Beliau menekankan konsep *New Literacies* yang merupakan ciri yang ada pada diri pelajar abad ke-21; yakni kecenderungan mereka untuk menggunakan wadah digital seperti video, mesej pesanan ringkas (SMS), Internet dan *podcast* untuk memperoleh maklumat dan ilmu pengetahuan. Justeru, guru perlu memanfaatkan kelebihan pelajar sebagai ‘pribumi digital’ dengan menggunakan wadah teknologi sedia ada yang pelbagai sebagai

wahana untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.

Kaedah Kajian

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada pelajar menengah satu tahun 2011. Mereka terdiri daripada pelajar kursus Bahasa Melayu Lanjutan, Bahasa Melayu Ekspres dan Bahasa Melayu Normal (Akademik). Terdapat 19 orang pelajar dalam kursus Bahasa Melayu Lanjutan, 25 orang pelajar dalam kursus Bahasa Melayu Ekspres dan empat orang pelajar dalam kursus Bahasa Melayu Normal Akademik. Mereka mengikuti kelas Bahasa Melayu sebanyak antara dua dengan tiga kali seminggu, sepanjang satu jam setiap sesi. Berdasarkan keputusan Ujian Berterusan 1 (CA1) yang berupa komponen kefahaman subjektif pada penggal pertama, 25% pelajar (12 orang pelajar) meraih gred B manakala lebih daripada 10% pelajar (5 orang pelajar) mendapat gred C untuk komponen kefahaman subjektif. Dalam kalangan pelajar ini tidak ramai yang mengamalkan membaca bahan bacaan bahasa Melayu secara tekal. Namun, semua pelajar pernah memberi komen atau ulasan mengenai video yang pernah ditonton oleh mereka di Internet. Tiga orang guru Bahasa Melayu terlibat dalam kajian ini.

Instrumen Kajian

Pemerhatian guru terhadap sikap dan cara belajar pelajar penting dalam kajian ini. Untuk menilai keberkesanan strategi yang digunakan dalam bilik darjah, guru menilai respons pelajar terhadap aktiviti yang dijalankan serta hasil kerja mereka secara berpasangan sewaktu mereka menjawab soalan yang diberikan berkenaan video yang ditonton. Sewaktu meneliti penerimaan pelajar terhadap strategi pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan, borang maklum balas diberikan kepada semua pelajar selepas sesi pelajaran tersebut.

Prosedur Kajian

Pengajaran bermula dengan guru memilih dua orang pelajar untuk ke hadapan kelas. Guru mengarahkan dua orang pelajar tersebut menulis seberapa banyak perkataan yang berkaitan dengan perkataan atau frasa yang diberi. Perkataan tersebut adalah (1) *durian* dan (2) *cinta*. Para pelajar hanya

diberi satu minit untuk memberikan seberapa banyak perkataan yang berkaitan dengan perkataan tadi. Kemudian, guru akan membuat ulasan terhadap perkataan-perkataan yang dicatatkan oleh pelajar. Catatan pelajar itu akan dibiarkan tertera di papan putih. Tujuan aktiviti ini dijalankan adalah untuk menyediakan senarai kosa kata yang bakal pelajar gunakan untuk mengulas sebuah video yang mempunyai tema yang menyatukan perihal durian dan cinta.

Sebelum menayangkan klip video, pelajar diminta bersedia untuk melakukan satu aktiviti secara berpasangan. Mereka diberikan sekeping sampul surat yang mengandungi beberapa arahan yang beraraskan ciri-ciri SQ. Arahan ini juga disesuaikan mengikut tahap kebolehan para pelajar yang datang daripada aliran yang berbeza-beza. Contoh arahan tersebut seperti yang berikut:

- a) *Jika Amirah seekor binatang, binatang apakah yang sesuai dengan perwatakannya? Mengapa?*
- b) *Lihat lirik lagu yang dilampirkan. Pilih lima perkataan yang boleh kamu kaitkan dengan perwatakan Kieran. Jelaskan pilihan kamu.*
- c) *Lukiskan satu simbol yang boleh kamu kaitkan dengan perwatakan Wai Chong. Terangkan.*
- d) *Lakonkan dialog kegemaran kamu dalam video tersebut. Mengapakah bahagian tersebut menjadi kegemaran kamu?*

Guru akan memilih seberapa banyak pasangan untuk berkongsi respons mereka. Pada tahap ini, pelajar tidak dimestikan mencatat jawapan mereka dalam ayat yang penuh. Guru mendapati bahawa jawapan pelajar menonjolkan daya kreatif yang kadangkala berada di luar jangkaan rakan dan guru. Tujuan aktiviti ini dijalankan adalah untuk menilai persempahan pemahaman pelajar yang dimanifestasikan dalam bentuk alternatif. Kaedah ini seakan kaedah rentas cipta, iaitu sesuatu aktiviti yang dijalankan membolehkan pelajar menunjukkan pemahaman mereka terhadap klip video yang ditontoni oleh dalam bentuk yang bukan sahaja lebih santai dan bersahaja, malah memaparkan pemahaman yang mendalam dan kompleks.

Setelah sesi berkongsi dan berbincang selesai, pelajar akan menonton klip video tersebut buat kali kedua. Kali ini mereka perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh guru dengan menggunakan ayat yang penuh dan gramatis. Soalan yang diberikan oleh guru diubah suai daripada bentuk arahan yang telah diterima oleh mereka dalam aktiviti pertama. Soalan kini lebih

berbentuk soalan yang terdapat dalam komponen kefahaman subjektif. Contohnya:

- a) *Amirah menjadi gadis idaman ramai pelajar lelaki. Berikan dua bukti untuk menyokong pernyataan ini.*
- b) *Mengapakah Syed memilih Kieran untuk menguji cuba "nafas duriannya"?*
- c) *Wai Chong seorang pengawas yang tegas. Berikan dua perbuatannya yang menyokong pernyataan ini.*
- d) *Berikan dua pengajaran yang telah kamu peroleh daripada video ini.*

Setiap pasangan pelajar diberikan sekurang-kurangnya dua soalan. Mereka dibenarkan untuk merujuk perkataan yang tertera di papan putih serta hasil kerja mereka untuk aktiviti pertama yang lalu. Kemudian, guru akan meminta pelajar menghantarkan hasil kerja mereka untuk disemak dan dinilai.

Dapatkan Kajian

Berdasarkan pemerhatian guru, pelajar menunjukkan sikap yang positif sewaktu menjawab soalan kefahaman berkenaan klip video yang telah ditontoni. Mereka menunjukkan kesungguhan serta daya kreativiti yang sungguh merangsangkan ketika menjalankan aktiviti tersebut. Pengajaran ini telah berjaya merangsang pelajar untuk memperluas serta memperdalam pemahaman mereka tentang klip video yang ditonton. Dengan mengikuti arahan-arahan berciri SQ, mereka berpeluang untuk memahami teks (video) yang diberikan dengan lebih menyeluruh. Antara contoh hasil kerja pelajar adalah seperti yang berikut:

Arahan: *Jika Amirah seekor binatang, binatang apakah yang sesuai dengan perwatakannya? Mengapa?*

Respons Pasangan A: *Amirah boleh menjadi seekor angsa. Angsa ialah burung yang anggun, lemah lembut dan sangat disukai oleh ramai orang. Ciri ini sama dengan ciri yang dimiliki oleh Amirah.*


Contoh respons seperti ini menunjukkan bahawa pelajar mampu untuk memberikan pandangan dan hujahan dengan menggunakan ayat mereka sendiri. Malah, mereka juga membuktikan bahawa mereka boleh menjawab soalan yang hampir serupa dengan bentuk soalan kefahaman subjektif dalam kertas peperiksaan dengan tepat tanpa perlu merujuk sebarang petikan bacaan bercetak. Tambahan lagi, guru melahirkan rasa puas hati dengan

prestasi pelajar sewaktu menjawab soalan kefahaman yang diberikan. Secara keseluruhan, mutu jawapan pelajar sudah bertambah baik. Tambahan pula pelajar kelihatan lebih yakin sewaktu menjawab sebarang soalan yang diaju dengan menggunakan ayat-ayat mereka sendiri. Contohnya:

Soalan: Berikan dua pengajaran yang telah kamu peroleh daripada klip video ini.

Jawapan: Pertama, cerita ini mengingatkan kami agar menjaga kebersihan diri kami. Kami perlu memberus gigi kami setelah memakan makanan yang boleh meninggalkan bau yang busuk seperti durian supaya tidak membuat orang lain berasa kurang selesa semasa berbual dengan kami. Kedua, kami mempelajari bahawa setiap perbuatan buruk ada balasannya. Oleh sebab dia telah membuang kulit durian sembarangan, Syed akhirnya menerima padah kerana dia didenda oleh pengawas Wai Chong.

Secara keseluruhannya, pelajar menunjukkan sikap yang positif dan terbuka sewaktu mengikuti hampir setiap sesi yang dijalankan. Berdasarkan maklum balas pelajar, mereka berasa senang hati terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Rajah 2 di bawah menunjukkan respons pelajar:



Rajah 2: Maklum Balas Pelajar Mengenai Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Kefahaman Menggunakan Klip Video

Secara keseluruhan, pelajar memberikan respons yang positif terhadap strategi pengajaran dan pembelajaran yang telah dijalankan. Mereka mendapati bahawa strategi sedemikian amat berguna untuk menjawab soalan kefahaman subjektif yang terdapat dalam kertas peperiksaan. Pelajar juga bersetuju bahawa kaedah ini amat sesuai dengan cita rasa dan kecenderungan mereka, baik daripada segi isi mahupun wadah yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, mereka juga berpendapat bahawa strategi ini wajar diteruskan sebagai satu kaedah untuk mempertajam pemahaman mereka terhadap teks bacaan. Hal ini jelas menunjukkan betapa pelajar menghargai manfaat yang diraih oleh mereka daripada sesi pengajaran dan pembelajaran tersebut.

Kesimpulan

Antara cabaran yang dihadapi oleh pengkaji adalah untuk mencari klip video yang sesuai untuk digunakan sebagai teks utama dalam pengajaran dan pembelajaran ini. Guru telah berbincang dan bersepakat dalam pemilihan klip video yang akan digunakan atas dasar ketekalan mutu bahasa yang digunakan, kesesuaian konteks cerita tersebut dengan selera remaja serta nilai moral yang terkandung dalam jalan cerita tersebut. Selain itu, pengkaji juga terpaksa menyesuaikan arahan dan soalan kefahaman yang akan diberikan berdasarkan keupayaan dan kebolehan pelajar yang berbeza-beza. Memandangkan mereka datang daripada pelbagai aliran, guru perlu bijak menyesuaikan setiap arahan dan soalan mengikut tuntutan SQ serta tahap kepayahan yang telah ditetapkan untuk kertas peperiksaan di peringkat nasional.

Kajian ini dijalankan ke atas pelajar yang mempunyai tahap penguasaan bahasa Melayu yang sederhana. Justeru, dapatan kajian ini mungkin tidak begitu relevan kepada guru yang ingin mencuba kaedah ini kepada pelajar yang mempunyai tahap penguasaan bahasa Melayu yang lemah. Walau bagaimanapun, strategi ini dapat dilaksanakan dengan menggunakan wadah yang berbeza seperti *podcast*, *vodcast* dan lain-lain lagi. Klip video yang menggunakan bahasa asing boleh dijadikan sebagai konteks pemahaman dan latihan kefahaman pelajar. Strategi ini juga boleh diaplikasikan bagi pengajaran dan pembelajaran lisan dalam projek kajian seterusnya.

Rujukan

- Blythe, T et.al. (1998). *The Teaching for Understanding Guide*. Jossey-Bass: California.
- Cox, C. & Griffith, A. (2007). *Outstanding Teaching*. Allyn and Bacon: New York.
- Jeffries, L. (2003). *Analogy and Multi-Modal Exploration in Teaching Language*. Wiltshire: Sage.
- Lina Tan & Mona Tan. (Producers). & John Hafiz (Director). (2004). *Waktu Rahat: Episod Nafas Durian*. [Siri Televisyen]. Disney Channel Asia: Malaysia.
- McDonald, P. (2009). *To What Extent Can Defining Graphic/Written Text Relations Support Teaching of Reading Comprehension in Multi-Modal Texts?* University of Birmingham: Birmingham. Tesis Sarjana.
- Paul, R & Elder, L. (2006). *The Art of Socratic Questioning*. Foundation for Critical Thinking: California.

Nota
